

11 JUN 1997

Sanusi-exco

TEMPOH PERKHIDMATAN EXCO KEDAH DILANJUT DUA BULAN

ALOR SETAR, 11 Jun (Bernama) -- Tempoh perkhidmatan 10 anggota exco kerajaan negeri Kedah yang sepatutnya tamat pada bulan ini dilanjutkan dua bulan lagi kerana Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid belum membuat keputusan berhubung kedudukan mereka.

Ketika ditemui pemberita selepas mesyuarat mingguan exco kerajaan negeri hari ini, Sanusi berkata mereka akan terus bertugas mengikut portfolio masing-masing sehingga 2 Ogos ini dan majlis angkat sumpah untuk penggal kedua akan dijalankan pada 3 Ogos di hadapan Sultan Kedah.

Barisan exco sekarang dilantik pada Jun tahun lepas untuk tempoh setahun, yang menurut Sanusi membolehkan beliau membuat penilaian prestasi kerja mereka.

Ketika ditanya kemungkinan ada anggota exco yang digugurkan, Sanusi berkata beliau belum lagi memikirkan perkara itu.

"Mungkin saya akan membuat keputusan semasa percutian mulai minggu depan," katanya.

Sebelum ini, Sanusi pernah membayangkan akan merombak portfolio anggota exco selepas mengenal pasti kemampuan mereka.

Beliau juga berkata kerajaan akan mengeluarkan surat kelulusan hari ini kepada tiga syarikat bagi menjalankan kerja projek tambak laut bernilai RM30 bilion sepanjang 100 km di persisiran pantai Kedah.

Syarikat Samudera Baru Darul Aman Sdn Bhd diberi kelulusan untuk membangunkan projek petrokimia dan Lapangan Terbang Antarabangsa, SKS Venture Sdn Bhd terlibat dengan projek pelabuhan laut dalam manakala Sayak Beach Sdn Bhd akan membina kawasan rekreasi, pelancongan dan perumahan di kawasan tambakan seluas 12,800 hektar itu.

Projek tambakan laut yang dipercayai terbesar di dunia itu dijangka siap menjelang tahun 2020.

"Dengan kelulusan itu, ketiga-tiga syarikat boleh memulakan kerja dalam tempoh tiga bulan," kata Sanusi.

Beliau berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menghantar faks dari England minggu lepas meminta kerajaan negeri mempercepatkan pelaksanaan projek itu. -- BERNAMA

MZM MAI